

A photograph showing several children sitting at a wooden table, focused on coloring line drawings of faces and figures. They are using various colored pencils. In the foreground, two boxes of NISO 12 Eco Friendly Colour Pencils are visible, one red and one white. The children are wearing white shirts. The scene is brightly lit, and the atmosphere is one of creative activity.

**CAHAYA
SOCIETY**

W A R T A C A H A Y A

APRIL
2025

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Selain itu, Cahaya Society juga aktif dalam menerbitkan karya dan tulisan tempatan di laman rasmi menerusi ruangan Arkib Cahaya bagi mengangkat apresiasi terhadap tulisan sama ada berbentuk ulasan buku, reviu filem, puisi, mahupun cerpen.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



BIKIN APA?



Rumah Terbuka Cahaya 2025

Acara Rumah Terbuka Cahaya yang hanya berlangsung sekali dalam setahun sempena sambutan Hari Raya bersama anak-anak Cahaya. Terima kasih kepada kawan-kawan yang hadir serta menyumbang dalam menjayakan acara ini.



YSP2025-Program Pendidikan Alam & Manusia

Cahaya Society menganjurkan Program Pendidikan Alam & Manusia iaitu lawatan sambil belajar ke Rainforest Discovery Centre (RDC) Sandakan. Seramai 27 orang pelajar yang mengikuti Youth Socio-economic Project (YSP)- projek tajaan Allianz & Move Now- menjadi peserta dan terlibat dalam pelbagai aktiviti alam sekitar



Raya Sama-sama-Anjung Bakti

Aktiviti mewarna poster aidilfitri dan berbagi duit raya bersama anak-anak Cita Budi dan alumni Cahaya yang disumbang oleh Allianz serta umum. Terima Kasih orang baik! Senang hati anak-anak menerima duit raya di bulan mulia.



Program Cahaya Bumi

Cahaya Society julung-julung kalinya meraihan Hari Bumi Sedunia 2025 menerusi Program Cahaya Bumi 2025 yang berkonsepkan Hari Terbuka (Open Day) untuk pelbagai aktiviti alam sekitar seperti pameran, pertandingan mewarna bumi, seni persembahan solidariti bumi, bengkel do-it-yourself, bengkel menanam dan banyak lagi

W A R T A C A H A Y A



Mesyuarat EERace bersama Rainforest Discovery Centre, Sepilok dan agensi lain.

Cahaya Society akan menjadi sebahagian daripada komuniti besar EERace— kursus pendidikan alam sekitar yang unik dan berasaskan pembelajaran pengalaman sejak 2005— untuk tahun ini. Terima kasih RDC atas peluangnya! .



Outreach Mangsa Kebakaran Kg.Batu Putih

Bertemu saudara kita— mangsa kebakaran Kg. Batu Putih— di PPS PPR Batu Putih. Kudos JKM, APM, PDRM dan Rela. Tetap semangat semua mangsa terlibat. Banyak kami mendengar, banyak kami belajar. Moga ada cahaya sinar harapan dan rezeki yang lebih besar buat kalian.



Raya Sama-Sama-Cita Budi

Aktiviti mewarna poster aidilfitri dan berbagi duit raya bersama anak-anak Cita Budi dan alumni Cahaya yang ditaja oleh Allianz serta sumbangan umum. Terima Kasih orang baik!



Sabah Creative And Economy Innovation Centre(SCENIC) x Cahaya Society

SCENIC telah mengadakan lawatan ke Cahaya Society bagi sesi engagement dan suai kenal bersama pasukan Cahaya Society. Lawatan ini bertujuan untuk memahami lebih dekat usaha pendidikan komuniti rentan serta meneroka potensi kerjasama pada masa akan datang.



Dapur Jalanan

Acara Dapur Jalanan— juadah makan tengahari untuk para pekerja keras dan buruh sempena Hari Pekerja Sedunia. Terima kasih yang bagi mi, telur dan ayam. Hidup kelas pekerja!

BIKIN APA?



Child Friendly Space(CFS) Mangsa kebakaran Kg.Batu Putih - Dewan PPR Batu Putih

Cahaya Society membawa aktiviti mewarna, permainan indoor games, menyanyi dan bercerita bersama anak-anak mangsa kebakaran. CFS kita reka untuk sokongan psikososial kepada anak-anak mangsa. Gembira anak-anak menyambut kami!



Kelas Penceritaan bersama anak-anak Cahaya

Belajar teknik penceritaan dan mengarang cerita bersama anak-anak Adicita. Banyak cerita yang sunyi, gelap tidak kurang yang sirna dan sarat harapan.



Kelas Menjahit menerusi Youth Socio-economic Project yang sudah memasuki bulan keempat!

Belajar ukur baju dan bikin pola bersama pelajar Youth Socio-economic Project (YSP)- projek tajaan Allianz & Move Now. Banyak ilmu baru dan teknik yang diajar oleh Cikgu Eyza.



Sabah Voices to Action

Dijemput dalam sesi townhall anjuran Sabah Action Body Advocating Rights, SABAR. Belajar banyak dari ramai guru, pendidik dan advokator. Kita tetap menyuarakan hak kanak-kanak dalam negara— tanpa mengira status kerakyatan dan kelas sosial— untuk mendapatkan pendidikan.



Kursus Kepimpinan Kemanusiaan(IDFR)

Program yang dianjurkan oleh Mercy Center of Humanitarian Development (MCHD) bekerjasama Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR) dengan memberi tumpuan kepada pelan tindakan, kemahiran membuat keputusan, dasar awam dan isu kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pemegang taruh memainkan peranan penting bagi memastikan keperluan kemanusiaan sejagat dipenuhi.



CERITA DARI BAWAH

Kali ini, Cahaya Society membuka ruang perkongsian maklumat tentang alam sekitar melalui Program Cahaya Bumi. Antara agensi yang turut serta termasuklah Rainforest Discovery Centre Sepilok, Pusat Pemuliharaan Orang Utan Sepilok, Orangutan Appeal UK, Bornean Sun Bear Conservation Centre, Zero Waste Sabah, dan Beluran Hope. Aktiviti yang dijalankan merangkumi taklimat alam sekitar, pameran struktur rangka Orang Utan, pengenalan diet pemakanan Beruang Madu (Sun Bear), bengkel DIY (Do-It-Yourself), serta Pertandingan Mewarna Bumi.

Program ini melibatkan seramai 70 peserta, terdiri daripada pelajar dan pasukan agensi berkaitan. Antara sorotan utama ialah pelancaran beg bukan tenun (non-woven) dengan mesej “Trash Less, Live More”, sebagai usaha menggantikan penggunaan plastik dan mempromosikan gaya hidup lestari, sejajar dengan inisiatif People & Planet First.

“Terima kasih sebab buat program begini, sebab kami dapat tengok tengkorak Orang Utan dan belajar pasal alam sekitar,” ujar Si Kak Long – salah seorang pelajar YSP yang hadir.

Program ini juga menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) seperti SDG 4: Pendidikan Berkualiti, SDG 13: Tindakan Iklim, dan SDG 15: Kehidupan di Daratan, serta seiring dengan prinsip ESG yang menekankan tanggungjawab sosial dan alam sekitar.



BULAN DEPAN, BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A

Planet Kita 2025

Program plogging (riada sambil mengutip sampah) dan kempen kesedaran menjaga alam sekitar anjuran Kelab Alumni Cahaya yang akan melibatkan beberapa agensi dan kelab belia di Sandakan, Sabah.

Pelancaran Non Woven Bag

CS Enterprise sebagai organisasi yang diakreditasi oleh People & Planet First menghasilkan Non Woven Bag yang mesra alam hasil jahitan dan cetakan komuniti sebagai respon kempen Say No To Plastic Bag.

Webinar Cahaya

Siri diskusi membincangkan peranan masyarakat sivil dalam memastikan hak asasi manusia di Malaysia mampu dipelihara dan dipertahankan.



+60 11-1886 1758

RM35

(exc. postage)



CUSTOM BATIK-PATCH TOTE BAGS – MADE BY COMMUNITY

Exclusive & Limited Edition

W A R T A C A H A Y A

**GARAJ
CAHAYA**

TERIMA KASIH!
MAGSUKUL!

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

🌐 cahayasociety.org
✉ cahayasociety@gmail.com
☎ 089 666 915